

## Manhaj Tarbiyah Ikhwan Al-Muslimin Dan Pengaruhnya Terhadap Pembentukan Manhaj Tarbiyah Gerakan-Gerakan Islam Terpilih

### *[Manhaj Tarbiyah Of Ikhwan al-Muslimin And Its Influence On The Formation Of The Manhaj Tarbiyah Of Selected Islamic Movements]*

Mohd Syakir Mohd Rosdi <sup>1\*</sup>

<sup>1\*</sup> Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), 11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Corresponding email: [mohdsyakir@usm.my](mailto:mohdsyakir@usm.my)

#### ARTICLE INFO

Revised Date: 10 October 2025

Accepted Date: 12 November 2025

Published Date: 31 Disember 2025

Kata Kunci:

*Manhaj Tarbiyah, Ikhwan al-Muslimin, Gerakan Islam*

Keywords:

*Manhaj Tarbiyah, Ikhwan al-Muslimin, Gerakan Islam*

#### Abstrak

Manhaj tarbiyah menjadi instrumen penting dalam menjayakan sesebuah gerakan Islam. Jatuh bangun sesebuah gerakan bergantung penuh kepada manhaj gerakannya. Oleh sebab pentingnya manhaj tersebut, maka hampir keseluruhan gerakan tidak kira di luar atau di dalam negara mempunyai manhajnya tersendiri. Ikhwan al-Muslimin adalah antara gerakan pemula membina manhaj tarbiyahnya. Gerakan-gerakan Islam terkemudian selepas itu ada yang menyebut bahawa mereka terpengaruh dengan manhaj tarbiyah gerakan Islam Ikhwan al-Muslimin. Betulkah begitu? Dari persoalan yang dilontarkan tersebut, maka kajian ini dilakukan untuk meneliti pengaruh manhaj tarbiyah gerakan Islam terhadap gerakan Islam lain. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kajian dokumen dan analisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Hasilnya didapati bahawa kewujudan gerakan Islam seperti gerakan Jamaat Islami di Pakistan, Majlis Syura Muslimin (Masyumi) di Indonesia, dan Parti Islam Semalaysia (PAS) di Malaysia banyak terkesan dengan penubuhan gerakan Ikhwan al-Muslimin di Mesir. Seheinggakan manhaj gerakan mereka pun sedikit sebanyak terpengaruh dengan manhaj tarbiyah Ikhwan al-Muslimin.

#### Abstract

Manhaj tarbiyah becomes an important instrument in the success of an Islamic movement. The ups and downs of a movement depends entirely on the manhaj of the movement. Due to the importance of the manhaj, then almost the entire movement regardless of whether outside or in the country has its own manhaj. Ikhwan al-Muslimin is one of the initiators of the development of the manhaj tarbiyah. Later Islamic movements after that some mentioned that they were influenced by the teaching methods of the Islamic movement of the Ikhwan al-Muslimin. Is that true? From the question raised, this study was conducted to examine the influence of the Islamic movement's curriculum on other Islamic movements. This research method uses the document study method and analysis by using the qualitative content analysis method. The results found that the existence of Islamic movements such as the Jamaat Islami movement in Pakistan, the Muslim Shura Council (Masyumi) in Indonesia, and the Malaysian Islamic Party (PAS) in Malaysia was greatly influenced by the establishment of the Ikhwan al-Muslimin movement in Egypt. So much so that the manhaj of their movement was to some extent influenced by the training manhaj of the Ikhwan al-Muslimin.


## Pengenalan

Manhaj tarbiyah secara lengkapnya adalah terdapat di dalam al-Quran. Allah SWT menurunkan kitab al-Quran melalui Nabi Muhammad SAW bertujuan mentarbiyah hambaNya.

Manhaj secara bahasa menurut Ibnu Manzur (1967) berasal daripada perkataan arab yang diambil dari kata dasar (*nahaja*) membawa erti jalan yang jelas dan nyata. Manhaj jika diterjemahkan dalam bahasa Inggeris membawa kepada perkataan 'Methodology' yang berasal dari gabungan dua perkataan Yunani iaitu "methodos" yang bererti cara dan "logos" yang bererti ilmu. Gabungan dua perkataan tersebut menjadi 'Methodology' yang bermaksud ilmu tentang cara mengadakan penelitian. Dari kedua-dua tafsiran makna tersebut, maka dapat disimpulkan definisi manhaj yang digunakan dalam penelitian ini ialah satu kaedah yang jelas digariskan untuk diikuti dalam melakukan suatu kerja agar sampai kepada matlamatnya.

Maksud tarbiyah pula seperti menurut Mahmud (1993)<sup>1</sup> bererti *uslub* yang terbaik. Di dalam proses berinteraksi dengan fitrah kemanusiaan dalam bentuk pengucapan secara langsung<sup>2</sup> atau secara tidak langsung<sup>3</sup> agar masyarakat dapat mengikutinya berdasarkan manhaj dan garis panduan dan wasilah-wasilah khusus yang tidak bertentangan dengan syariat Allah SWT untuk menghasilkan perubahan di dalam diri ke arah yang lebih baik. Manakala manhaj tarbiyah ialah suatu kaedah dan perancangan yang dibuat untuk diikuti supaya mencapai matlamat dari tarbiyah tersebut.

Kekuatan gerakan Islam bergantung kepada kekuatan manhaj tarbiyahnya. Perkara ini bersesuaian dengan sifatnya yang mempunyai kerja berstruktur dan komprehensif dalam melaksanakan tugas menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Perkara ini secara jelas boleh dilihat dalam firman Allah SWT seperti berikut:



“Tidakkah kamu memperhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik, akarnya baik dan cabangnya menjulang ke langit, pohon itu memberikan buahnya pada setiap muslim dengan izin Rob-Nya. Allah membuat perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu ingat” (Surah Ibrahim, 14:25).

Dengan ayat ini, Mahmud (1996) menjelaskan bahawa “*Harakah Islamiyyah adalah kemampuan untuk bergaul dengan manusia, mencintai mereka, berkhidmat kepada mereka, kemampuan untuk mempengaruhi mereka dan menarik mereka kepada amal Islami serta kemampuan untuk menarik mereka ke dalam barisan amal Islami*”.

Bagi menjelaskan berkaitan manhaj tarbiyah *Ikhwan al-muslimin* dan pengaruhnya terhadap pembentukan manhaj tarbiyah gerakan-gerakan Islam yang terpilih, maka kajian ini akan menumpukan kepada dua bahagian. Pertama, manhaj tarbiyah gerakan Ikhwan al-muslimin dan kedua pengaruh manhaj tarbiyah gerakan Ikhwan al-muslimin kepada gerakan-gerakan Islam terpilih.

<sup>1</sup> Beliau adalah anak kepada mantan Syeikh al-Azhar yang ke 46 iaitu al-Imam al-Akbar Dr. Syeikh Abd al-Halim Mahmud yang berkhidmat antara tahun 1973-1978. Ali Abd al-Halim Mahmud merupakan sebahagian ulama al-Azhar yang menjadi pemimpin kepada gerakan *Ikhwan al-Muslimin* di Mesir. Beliau banyak menghasilkan kitab yang menjadi rujukan kepada masyarakat Islam di seluruh dunia, seperti *Wasail al-Tarbiyyah 'inda al-Ikhwan al-Muslimin: Dirasah Tahliliyyah Tarikhiyyah* dan kitab *Fiqh Dakwah Muslimah*.

<sup>2</sup> Pengucapan secara langsung dilakukan dengan cara mengajar, mendidik dan membuat persiapan yang bersifat langsung kepada manusia melalui perkataan. .

<sup>3</sup> Pengucapan secara tidak langsung dilakukan dengan memberi contoh perbuatan dan teladan melalui perlakuan kebaikan, tingkah laku yang terpuji dan akhlak yang tinggi, cetakan keenam, h. 16.

## METOD MANHAJ TARBIYAH GERAKAN *IKHWAN AL-MUSLIMIN*

Selepas jatuhnya khilafah Islam pada tahun 1924, umat Islam telah berpecah kesan daripada penjajahan Barat. Menurut Jenggis Prabowo (2011), pelbagai usaha dilakukan untuk menyatukan kembali negara-negara Islam sama ada melalui individu ataupun organisasi-organisasi. Kemunculan gerakan *Ikhwan al-Muslimin* di Mesir oleh Imam Hasan Al-Banna pada tahun 1928 berjaya membina kebangkitan gerakan-gerakan Islam di negara-negara lain seperti di Pakistan lahirnya Jami'at Islami (1941), di Turki lahirnya Parti Refah (1970), di Indonesia lahirnya Muhammadiyah (1912), dan Nahdatul Ulama (1926), dan di Malaysia lahirnya Parti Islam SeMalaysia (PAS) (1951).

*Ikhwan al-Muslimin* antara gerakan yang awal dalam memperkembangkan manhaj tarbiah gerakan Islam. Imam Hasan al-Banna adalah pengasas kepada manhaj tarbiah gerakan *Ikhwan al-Muslimin*. Gerakan ini mula menggerakkan tarbiahnya pada tahun 1928. Pada awalnya, Hasan al-Banna bersama tujuh orang pengikut sahaja. Bermula dari sinilah tarbiah secara usrah dimulakan. Lama kelamaan gerakan ini mula berkembang. Perkembangan ini selaras dengan perkembangan manhaj tarbiah dalam Ikhwan.

Menurut Mahmud (1999) terdapat tujuh peringkat tarbiah gerakan *ikhwan* yang membentuk manhajnya. Peringkat pertamanya ialah usrah. Bagi *Ikhwan al-Muslimin*, usrah merupakan asas yang pertama dalam membina jamaah. Ia penting bagi membina keperibadian anggota-anggotanya. Tujuan usrah secara umum adalah untuk membentuk keperibadian Islam secara menyeluruh kepada setiap individu Muslim, mentarbiyah, dan mengembangkannya sesuai dengan etika dan nilai Islam. Peringkat kedua ialah Katibah. Secara spesifiknya katibah ialah satu program yang menghimpunkan beberapa usrah sebagai satu pasukan Jamaah bagi mempersiapkan diri dengan bekalan tambahan tentang perjuangan, ketahanan dan kesabaran. Katibah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali sebulan dan dihadiri oleh ahli mengikut peringkat masing-masing, iaitu diperingkat *ta'rif*, *takwin* dan *tanfiz*.

Pengisian program *katibah* adalah lebih tertumpu kepada tarbiah ruhiyah, muhasabah dan motivasi diri di samping membiasakan diri dengan aktiviti fizikal seperti menunaikan ibadah fardhu dan sunat. Program ini juga dinamakan program *mabit* iaitu bermalam. Antara aktiviti katibah yang biasa dijalankan ialah tadarus al-Quran, muhasabah, solat tahajud, solat fardu berjemaah, bacaan zikir, mathurat dan kuliah ilmu. Secara ringkasnya katibah adalah satu program yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti kerohanian dengan tujuan dapat mendidik diri sendiri dan mengawal hawa nafsu. Ini akan memudahkan ahli Jamaah dapat menjalankan kerja-kerja dakwa dan islam dengan jayanya.

Peringkat ketiga ialah *rehlah*. Katibah dan rehlah merupakan tarbiah kolektif. Rehlah lebih kepada aspek fizikal. Umumnya dilakukan setiap sebulan sekali, Dalam program rehlah ahli dapat bergerak bebas, melakukan ibadah, mendidik sifat sabar, berlapar, dahaga dan seumpamanya yang tidak dapat dilakukan dalam program usrah dan katibah. Ringkasnya, program rehlah lebih menekankan aspek badaniah atau fizikal berbanding ruhiyah. Ia bertujuan untuk mewujudkan suasana ukhwah yang dipenuhi dengan nilai-nilai Islam dan patuh kepada peraturan dalam tempoh tertentu. Peserta juga dididik dengan nilai-nilai kehidupan yang sebenarnya secara amali.

Peringkat keempat ialah *mukhayyam*. *Mukhayyam* dalam sejarah gerakan Ikhwan merupakan penerapan dan pengembangan dari sistem ziarah. Sistem ziarah adalah pengembangan dari kelompok rehlah. *Mukhayyam* ialah program bermalam yang diadakan di pulau, pantai, hutan, gunung dan sebagainya yang disertai oleh ahli-ahli usrah yang mengambil masa beberapa hari. Matlamat program *mukhayyam* ialah melatih dan membiasakan ahli dengan latihan fizikal agar mampu memikul tugas dakwah dan tarbiah dengan baik, ia juga dapat menyemai sifat ukhwah, disiplin etika sebagai ahli Jamaah. Di samping itu ia dapat membina kekuatan rohani dan jasmani sebagai menyempurnakan tanggungjawab dakwah.

Peringkat kelima ialah *daurah*. Program ini adalah kursus kefahaman dan latihan kemahiran yang diadakan sebagai nilai tambah kepada program tarbiah. Matlamatnya ialah memberi kefahaman yang jelas tentang Islam kepada ahli dan memahami isu-isu semasa. Program ini di adakan dalam bentuk ceramah, diskusi buku, pembentangan kertas kerja dan seumpama dengannya. Ia diadakan secara berkala. Di samping itu program ini juga secara tidak langsung dapat menghubungkan ukhwah islamiah sesama ahli.

Peringkat keenam ialah *nadwah* dari segi bahasa *nadwah* atau nadi bermaksud kelab (Hussain Unang, 1994). Program ini menghimpunkan mereka di suatu tempat seperti seminar atau konvensyen. Contohnya *nadwah* sekumpulan manusia bermaksud ia menjadi tempat sekumpulan manusia bertemu di kelab atau seumpama dengannya untuk berbahas atau berbincang tentang perkara-perkara tertentu. Dalam konteks manhaj tarbiah *nadwah* ialah satu *ijtima'* yang menghimpunkan para ulama, pakar, cendekiawan tertentu untuk berkongsi dan memberi pandangan dalam sesuatu tajuk atau masalah. Seseorang itu berhak menyuarakan pandangannya berpandukan dalil dan bukti (Abd Halim Mahmud, 1993).

Peringkat ketujuh ialah muktamar. Muktamar dalam manhaj tarbiah ialah muktamar agung. Perhimpunan tersebut diadakan sempena sesuatu isu yang penting dan dihadiri oleh perwakilan-perwakilan dan peserta yang terlibat. Ia tidak diadakan berkala sebagaimana muktamar tahunan dan mesyuarat agung. Sebaliknya ia diadakan berdasarkan keperluan semasa sesebuah jemaah pada ketika itu. Secara ringkasnya, muktamar adalah selari dengan kehendak Islam. Islam menggalakkan perkongsian idea dan pendapat dalam kalangan umatnya agar sesuatu perkara yang diputuskan lebih mendatangkan kebaikan kepada semua pihak.

### **PENGARUH METODE MANHAJ TARBIAH IKHWAN AL-MUSLIMIN KEPADA MANHAJ PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)**

Antara gerakan yang dikenali dunia ialah Parti Islam SeMalaysia (PAS) di Malaysia. PAS menerima idea pemikiran Ikhwan al-muslimin pada awal 1950-an apabila tokoh-tokoh PAS<sup>4</sup> seperti Dr. Zulkifli Mohamad yang menerima secara langsung tarbiah daripada tokoh-tokoh Ikhwan al-Muslimin ketika belajar di Universiti al-Azhar Mesir. Beliau seorang tokoh yang berkarisma yang telah diberi mandat untuk memimpin PAS sehinggalah roh perjuangan Islam dimasukkan dalam perlembagaan PAS pada tahun 1954.

Menurut Mohd Noor (2005), selain daripada Dr Zulkifli Mohamad, Jais Anwar<sup>5</sup> turut mendapat pendidikan dari Mesir. Beliau juga berperanan besar dalam menyebarkan pengaruh *Ikhwan* dalam PAS. Menurut Jais Anwar, Syekh Taqiyuddin telah melarikan diri ke Tanah Melayu daripada ditangkap oleh regim Mesir dan berkhidmat di sebuah sekolah agama di Kedah.<sup>6</sup> Di sini beliau telah mengkader dan mertarbiyah pelajar-pelajar dengan memperkenalkan sistem usrah pada tahun 1957.

Menurut Mohd Noor (2005), kemuncak pengaruh *Ikhwan al-Muslimin* ke dalam PAS ialah berlaku gerakan kaderisasi pelajar dan pemantapan kedudukan Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS Pusat. Dato' Seri Abdul Hadi Awang yang dilantik sebagai Pengerusi Lajnah tersebut dan dibantu oleh Dato' Yahya Othman telah mengadakan seminar tarbiyah pada tahun 1982 untuk menyelaras sukatan tarbiyah seterusnya berjaya melahirkan manhaj tarbiah PAS.

Dalam seminar yang diadakan Lajnah Tarbiyah PAS dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat telah memperkenalkan *maudu'* (sukatan) dan sukatan tarbiyah secara berkala yang merangkumi program usrah, tamrin, mukhayyam, liqa fikri dan *ijtima'* yang melibatkan semua peringkat kepimpinan dan ahli, iaitu bermula dari cawangan, kawasan, negeri dan pusat. Sukatan tarbiyah disusun mengikut tahap dan peringkat, di mana setiap tahap telah disediakan silibus (sukatan tarbiah) yang tertentu. Tarbiah dilihat sebagai satu proses pembentukan Muslim terbaik yang terdapat dalam *harakah Islamiyah*, termasuklah PAS. Kesannya lahirlah sistem tarbiyah dalam PAS bagi mewujudkan *baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur* dengan memperkenalkan pelbagai program tarbiyah. Antaranya program usrah, usrah gabungan (madrasah), *Qiyamullail*, lawatan (*rehlah tarbawiyyah*), program perkaderan (*tamrin tarbawi*), perkhemahan atau jambori (*mukhayyam tarbawi*), latihan kemahiran (*daurah tadribyyah*), majlis berbuka puasa secara berjemaah (*iftar jama'i*), majlis ilmu (*liqa fikri*), perhimpunan bulanan (*ijtima' tarbawi dan nuqaba'*), seminar atau konvensyen (*nadwah tadribyyyah*) dan perhimpunan agung (*muktamar*).

<sup>4</sup> Idea pemikiran *Ikhwan al-Muslimin* yang dimaksudkan ialah pengaruh tarbiyah *Ikhwan al-Muslimin* dalam PAS.

<sup>5</sup> Jais Anwar adalah mantan Ketua Dewan pemuda PAS Pusat yang berkelulusan dari Universiti al-Azhar, Mesir. Menurut Hassan Shukri, beliau pernah memangku jawatan Ketua Dewan pemuda PAS Pusat pada tahun 1970 kerana Jais melanjutkan pelajaran ke London.

<sup>6</sup> Syekh Taqiyuddin ialah mantan Setiausaha *Ikhwan al-Muslimin* di Kaherah, Mesir.

Kesimpulannya, PAS adalah sebuah gerakan Islam di Malaysia yang mempunyai acuan tarbiyah yang tersendiri. Walau bagaimanapun, pengaruh daripada gerakan Islam di dunia seperti Ikhwan al-Muslimin banyak memberi kesan yang positif kepada perkembangan manhaj tarbiyah dalam PAS sehingga parti itu terkenal sebagai sebuah gerakan Islam.

### **PENGARUH METOD MANHAJ TARBIYAH IKHWAN AL-MUSLIMIN KEPADA MANHAJ PARTI JAMAAT ISLAMI (JIP)**

Di Pakistan, lahirnya gerakan Islam yang dinamakan sebagai Parti *Jamaat al-Islami* (JIP). Ia diasaskan oleh Sayyid Abul A'la Maududi di Pakistan pada tahun 1941. Beliau dikenali sebagai seorang mujaddid abad moden dan merupakan tokoh pembaharuan yang sangat disegani (Syamsul M. Ramli, 2000). JIP adalah satu gerakan yang menggerakkan kebangkitan gerakan-gerakan Islam di seluruh dunia. JIP tidak hanya sebagai sebuah organisasi politik, atau organisasi Islah, akan tetapi mereka juga merupakan *Jama'atun 'Aqadiyahun* (Jemaah akidah) yang meyakini bahawa Islam adalah agama yang syumul mengatur segala urusan manusia di dunia ini.

JIP juga meyakini bahawa organisasi ini bukanlah sebuah organisasi nasionalisme yang pengaruhnya hanya sebatas masyarakat setempat, akan tetapi ia merupakan organisasi dakwah yang bertujuan meninggikan kalimah Allah dimuka bumi ini. Al-Maududi sebagai pengasas JIP berpendapat bahawa negara dan agama (syariat Islam) tidak boleh berpisah. Syariat Islam mesti dilaksanakan secara lengkap dalam kehidupan masyarakat dan negara. Beliau berpendapat pentingnya melakukan pembaharuan dalam masyarakat dan pemerintah.


Manhaj tarbiyah yang cuba dilaksanakan oleh Al-Maududi ialah penumpuan kepada pemantapan akidah Islam yang sebenarnya. Mengembalikan kepercayaan yang mutlak kepada Allah khususnya dalam kalangan masyarakat yang lebih banyak dipengaruhi oleh sistem liberal yang diasaskan oleh barat. Beliau berpendapat pengabdian kepada Allah SWT adalah merupakan akar tunjang dan rukun pertama dalam akidah Islamiah yang dizahirkan di dalam pengakuan.

Menurut al-Maududi (2009) di dalam bukunya *Manhaj Hidup Muslim*, beliau menjelaskan pentingnya masyarakat dibina berdasarkan akidah yang jelas kepada Allah SWT. Beliau dituduh oleh pengkritik-pengkritiknya sebagai terlalu ekstrim dan pendapat-pendapatnya terlalu keras. Dalam bukunya *al-Jihad fi al-Islam* al-Maududi (1927) menjelaskan sikap Islam terhadap kekerasan dan memperkenalkan pemikirannya. Ada dua faktor penting yang menyebabkan beliau terkenal dan berpengaruh dalam kalangan masyarakat.

Pada tahun 1925 terjadi satu peristiwa seorang tokoh agama Hindu, Swami Shradhanand dibunuh oleh seorang ekstrimis Muslim yang menganggap bahawa membunuh seorang kafir itu adalah harus. Peristiwa ini menyebabkan berlaku perdebatan terbuka yang menyatakan Islam itu tersebar melalui mata pedang. Al-Maududi terpanggil untuk menjawab setiap tuduhan itu melalui penulisan bukunya *al-Jihad fi al-Islam*. Peristiwa kedua ialah berkaitan tentang kemerdekaan India.

Tulisan-tulisan al-Maududi mencerminkan beliau sangat berpegang kepada Islam. Dalam karyanya *al-Jihad fi al-Islam*, ia menjelaskan tentang pengertian jihad yang sebenarnya. Beliau menolak penakrifan jihad yang dikemukakan oleh Abdul Kalam Azad bahawa jihad adalah membela tanah air. Menurut al-Maududi jihad adalah membela Islam semata-mata. Pengabdian diri kepada Allah SWT adalah merupakan tunjang akidah yang utama dan dijelmakan dalam pengakuan shahadah iaitu Tiada Tuhan Melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah (Al-Maududi, 2009).

Di samping itu prinsip yang cuba diperkenalkan dalam masyarakat ialah menjadikan kalimah shahadah ini sebagai asas yang utama di dalam masyarakat Islam. Pengakuan shahadah ini memberi panduan kepada kita semua dalam membuat garis pemisah mengenai beberapa perkara antaranya ialah bentuk dan tabiat masyarakat Islam, program pertumbuhan dan perkembangan masyarakat Islam, program Islam dalam menghadapi masyarakat-masyarakat jahiliah dan program Islam dalam menghadapi kenyataan hidup umat manusia seluruhnya (Al-Maududi, 2019).



Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam. tiada sekutu bagiNya; dan demikian Itulah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah orang yang pertama-tama menyerahkan diri kepada Allah” (Surah Al-An’am, 6: 162-163).

## PENGARUH METOD MANHAJ TARBİYAH IKHWAN AL-MUSLIMIN KEPADA MANHAJ HARAHAH AL-MUQAWAMAH AL-ISLAMIAH

Di Palestin, lahirnya gerakan Islam *Harakah Al-Muqawamah Al-Islamiah* (HAMAS) pada 14 Disember 1987. Ia ditubuhkan secara rasminya oleh Syeikh Ahmad Yasin yang merupakan salah seorang aktivis Ikhwanul al-Muslimin di Palestin. Objektif penubuhannya adalah untuk membebaskan Palestin daripada penjajahan Israel dan menubuhkan sebuah Negara Islam di Palestin. Menurut Ahmad Faozi dalam buku *Gerakan HAMAS dalam perjuangan Kemerdekaan Palestin* (Faozi, 1996:38-42) menyatakan bahawa gerakan HAMAS merupakan gerakan politik keagamaan yang mempunyai jati diri yang kuat berpaksikan kepada agama Islam.

Hitti (1960) menyatakan bahawa kekuatan ajaran Islam memiliki daya tahan yang lebih kuat berbanding dengan kekuatan bangsa Arab. Sebelum lahirnya HAMAS organisasi ini lebih dikenali dengan *al-Mujamma' al-Islamiah*. Ditubuhkan pada tahun 1978 di Gaza dan merupakan cabang Ikhwanul al-Muslimin di Mesir. Pada peringkat awalnya, organisasi ini bergerak dalam bidang sosial, menyantuni rakyat di samping menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat. Melalui hal tersebut Syeikh Ahmad Yasin mengambil kesempatan untuk menanamkan semangat jihad dalam kalangan rakyat Palestin khususnya kepada generasi muda.

Perjuangan HAMAS bertujuan menghancurkan Negara Israel. Bagi HAMAS tanah Palestin merupakan tanah wakaf Islam yang diperuntukkan bagi umat Islam hingga akhir zaman. HAMAS bercita-cita untuk membebaskan bumi Palestin dari jajahan Israel dan seterusnya membina Negara Islam. Mereka berpendapat seluruh umat Islam di dunia berperanan melawan kekuatan Zionisme Israel dan membebaskan Palestin. Garis Perjuangan HAMAS terdiri daripada tiga peringkat. Fasal pertama, pembentukan generasi yang kuat serta tahan uji. Kedua, membentuk hubungan dengan rakyat Palestin dan ketiga melancarkan jihad kepada tentera Israel.

HAMAS adalah sebahagian daripada gerakan Islam Ikhwanul al-muslimin Mesir. Perkara ini jelas seperti yang disebut dalam fasal kedua Piagam HAMAS iaitu HAMAS adalah salah satu sayap dari sayap-sayap Ikhwanul Muslimin di Palestin. Gerakan Ikhwanul Muslimin di Mesir memayungi gerakan HAMAS di Palestin kerana mereka adalah *tanzim* (organisasi) di peringkat antarabangsa di samping adalah gerakan Islam terbesar sekarang.

Keutamaan gerakan Ikhwan al-Muslimin adalah untuk memiliki pemahaman yang mendalam, terperinci dan menyeluruh meliputi segenap ajaran Islam tentang seluruh aspek kehidupan. Hal ini menyangkut tasawuf dan *itikad*, politik, ekonomi, tarbiyah (pembinaan) dan sosial, keadilan dan pemerintahan, dakwah dan pendidikan, seni dan media massa, masalah ghaib dan nyata, dan seluruh aspek kehidupan lainnya.

Justeru, manhaj yang cuba diamalkan oleh HAMAS adalah manhaj Ikhwanul al-Muslimin. Hal ini dijelaskan dalam fasal pertama Piagam HAMAS. Islam adalah manhajnya. Ia meliputi, sumber pemikiran, pemahaman dan konsepsinya mengenai alam kehidupan dan manusia. Islamlah yang menentukan seluruh tindakan dan langkah gerakan ini.

Untuk melahirkan anggota-anggota yang menjalankan Islam secara baik dan menjamin terlaksananya misi proses pembinaan tarbiyah dilaksanakan. Pembinaan tarbiyah HAMAS kepada anggota-anggotanya dijelaskan dalam piagamnya pada fasal keempat belas. Fasal ini menjelaskan agar anggota-anggota melaksanakan kewajipan-kewajipan agama, mengkaji al-Quran, Sunnah dan sejarah Islam sehingga terbentuk fikrah Islamiyah. Walaupun tidak dinyatakan secara terperinci

model pelaksanaan piagamnya, sebagai sebuah harakah Islamiyah yang merupakan cabang Ikhwanul al-Muslimin maka sudah tentu model yang dilaksanakan lebih kurang sama dengan model pembinaan tarbiah oleh Ikhwanul al-Muslimin yang mempunyai usrah, tamrin, *mukhayyam* dan seumpamanya (Sekamdo, 2004: 70).

Mahmud (1999) dalam buku peringkat-peringkat tarbiah Ikhwanul al-Muslimin menyebutkan bahawa pembinaan tarbiah dalam Ikhwanul al-Muslimin dilaksanakan dalam bentuk usrah, *katibah*, *rehlah*, *mukhayyam*, seminar, nadwah, daurah dan muktamar. Strategi dan model yang dilaksanakan oleh Ikhwan al-Muslimin telah dilaksanakan oleh HAMAS dan berjaya melahirkan kader-kader yang memiliki kualiti yang tinggi kepada nilai-nilai Islam dan perjuangan HAMAS. Anggota-anggota HAMAS adalah terdiri daripada remaja yang cintakan masjid dan sebagai orang yang taat, patriotik untuk mempertahankan Negara dan dicintai oleh rakyat (Faozi, 1996).

Menurut Malik (2006) dalam bukunya *HAMAS daripada Underground kepada Parti Pemerintah*, beliau menjelaskan kekuatan HAMAS adalah terletak kepada sistem tarbiahnya. Hal ini berdasarkan piagamnya dalam fasal kedua yang menjadikan tarbiah *Ikhwan al-Muslimin* sebagai asas kepada pembinaan tarbiah ahlinya. Hasilnya HAMAS berjaya melahirkan pemuda-pemuda Islam yang cintakan syahid dan mahukan pembebasan Palestin.

## KESIMPULAN

Manhaj tarbiah gerakan Islam banyak terpengaruh dengan metod manhaj gerakan *Ikhwan al-Muslimin*. Kebanyakan gerakan-gerakan Islam menggunakan metod penyampaian manhaj melalui usrah, tamrin, mukhayyam, rehlah, nadwah, liqa fikri dan juga muktamar seperti yang dilaksanakan oleh *Ikhwan al-Muslimin*. Perjuangan untuk menegakkan sebuah negara seperti yang disebut *baladun tayyibatun wa rabbun ghafur* adalah sama bagi setiap gerakan Islam terutama bagi gerakan yang berorientasikan politik. Penekanan mereka kepada tauhid, syariah dan tasawuf. Kegagalan ahli-ahli dan pimpinan gerakan Islam di semua peringkat dalam mengikuti manhaj tarbiah yang disusun ini akan menyebabkan berlakunya pergeseran fikrah dan konflik dalam amal.

## RUJUKAN

- Al-Maududi, S. A. A. (1927). *Al-Jihad fi al-Islam*. Lahore: Idara Tarjuman al-Quran.
- Al-Maududi, S. A. A. (2009). *Manhaj Hidup Muslim* (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Maududi, S. A. A. (2019). *The Meaning of the Shahadah and Its Implications*. Lahore: Islamic Publications.
- Al-Maududi, S. A. A., & Qutb, S. (2009). *Fundamentals of Islam and Society*. Lahore: Islamic Publications.
- Faozi, A. (1996). *Gerakan HAMAS dalam Perjuangan Kemerdekaan Palestin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hitti, P. K. (1960). *History of the Arabs*. London: Macmillan.
- Ibnu Manzur. (1967). *Lisan al-'Arab* (Jil. 2). Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Jenggis Prabowo, A. (2011). *Ikhwanul Muslimin: Sejarah dan Perkembangan*. Jakarta: Gema Insani.
- Mahmud, A. H. (1993). *Fi Rihab al-Tarbiyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Mahmud, A. H. (1996). *Harakah Islamiyyah: Qawa'id wa Usul*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Mahmud, A. H. (1999). *Maratib al-Tarbiyah 'inda al-Ikhwan al-Muslimin*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Malik, M. (2006). *HAMAS: Dari Underground kepada Parti Pemerintah*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Mohd Noor, R. (2005). *PAS dan Pengaruh Ikhwan al-Muslimin*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Ramli, S. M. (2000). *Pemikiran Politik Abul A'la al-Maududi*. Kuala Lumpur: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Sekamdo, A. (2004). *HAMAS: Sejarah, Perjuangan dan Masa Depan*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Unang, H. (1994). *Gerakan Islam Kontemporari*. Jakarta: Gema Insani.